



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
25 September 2026**

PNB MEMPERKENALKAN RANGKA KERJA KEMAMPANAN 2026: MELABUR SECARA BERTANGGUNGJAWAB, MEMPERKASA GENERASI

- *Rangka kerja menyasarkan pelaburan dalam aset hijau dan peralihan sebanyak RM15 bilion serta inisiatif impak sosial bernilai RM500 juta menjelang 2030*
- *Memperkukuh kitaran mencipta nilai untuk rakyat Malaysia dan menyumbang kembali kepada rakyat Malaysia*

Kuala Lumpur, 25 September 2026: Bagi Permodalan Nasional Berhad (PNB), kemampuan pada dasarnya adalah mengenai rakyat: bagaimana simpanan yang diamanahkan oleh rakyat Malaysia dapat dilaburkan secara bertanggungjawab pada hari ini bagi mencipta nilai berkekalan, peluang dan masa hadapan yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Prinsip ini menjadi teras kepada **Rangka Kerja Kemampuan 2026 (SF 2026)** PNB yang diperkenalkan, iaitu satu pelan hala tuju yang diperkukuh bagi menerapkan pertimbangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) merentasi aktiviti pelaburan, operasi dan pengawasan PNB.

Sebagai pelabur institusi yang diamanahkan dengan mandat untuk memelihara dan memperkukuh simpanan rakyat Malaysia, kemampuan telah sekian lama menjadi sebahagian daripada DNA PNB. Ia mencerminkan satu kitaran berterusan untuk melabur secara bertanggungjawab bagi menjana nilai yang mampan, sambil memastikan impaknya akhirnya kembali memberi manfaat kepada rakyat Malaysia, sama ada melalui pelaburan yang lebih kukuh, peluang ekonomi, keterangkuman kewangan, pendidikan atau pembangunan sosial.

Berteraskan "**Melabur Secara Bertanggungjawab, Memperkasa Generasi**", SF 2026 memperkukuh pendekatan ini melalui tiga teras strategik, yang disokong oleh komitmen yang jelas serta sasaran yang boleh diukur sehingga 2030 dan seterusnya.

Membina Ketahanan untuk Masa Hadapan Malaysia

Dalam persekitaran global yang semakin kompleks, kemampuan menjadi semakin penting dalam melindungi nilai jangka panjang. Ketidaktentuan geopolitik, perubahan ekonomi dan risiko berkaitan iklim boleh memberi implikasi nyata terhadap perniagaan, pelaburan dan, akhirnya, masa hadapan kewangan rakyat Malaysia.

Bagi PNB, pelaburan bertanggungjawab bukan sekadar menangani isu alam sekitar. Ia bermakna membina daya tahan dalam pelaburan, menyokong perniagaan agar kekal berdaya saing dan mampan, serta memastikan rakyat Malaysia terus mendapat manfaat daripada nilai yang dijana dalam jangka panjang.

Tiga Teras, Satu Matlamat: Nilai Mampan untuk Rakyat Malaysia

Melalui teras **Memacu Kemampuan Organisasi**, PNB akan terus memperkukuh amalan kemampuan dalam operasinya. Ini termasuk mengekalkan pelepasan Sifar Bersih Skop 1 dan Skop 2, menyokong aspirasi jangka panjang untuk mencapai Pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050, mengurangkan pelepasan tidak langsung daripada perjalanan urusan perniagaan serta memperkukuh perolehan mampan. PNB juga akan terus mempertingkatkan aspek kebolehcapaian dan keterangkuman di premis serta perkhidmatannya bagi memastikan akses yang lebih saksama untuk para pemegang kepentingannya.

Melalui teras **Tadbir Urus Bertanggungjawab**, PNB akan memanfaatkan kedudukannya sebagai pelabur institusi yang penting untuk menggalakkan perniagaan yang lebih kukuh dan mampan. Rangka Kerja Kemampuan PNB 2026 memperkenalkan sasaran berkaitan penyahkarbonan portfolio, daya tahan terhadap perubahan iklim, pertimbangan berkaitan alam semula jadi dan biodiversiti, serta amalan pekerjaan yang adil dan saksama, termasuk prinsip hak buruh dan gaji kehidupan wajar. Usaha ini bertujuan untuk memperkukuh daya tahan dan daya saing jangka panjang syarikat-syarikat yang menjadi sasaran simpanan rakyat Malaysia dilaburkan.

Teras ketiga, **Memperkukuh Agenda Pembinaan Negara**, membawa impak secara langsung kepada rakyat Malaysia. Selaras dengan Matlamat PNB untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi, rangka kerja ini memperkukuh komitmen PNB terhadap keterangkuman sosial dan kewangan serta pelaburan sosial yang memberi impak.

Ini merangkumi pelbagai inisiatif dalam pembangunan bakat, biasiswa, pelaburan dalam komuniti, celik kewangan, pemeliharaan warisan dan impak sosial yang lebih luas, serta memperkukuh prinsip yang mudah: nilai yang dijana melalui pelaburan rakyat Malaysia sewajarnya kembali menyumbang kepada penciptaan nilai dan peluang yang lebih besar untuk rakyat Malaysia.

Menterjemahkan Komitmen kepada Impak yang Boleh Diukur

"Kemampuan sentiasa menjadi sebahagian penting dalam cara PNB melaksanakan mandatnya. Apabila kami memperkenalkan Rangka Kerja Kemampuan pada tahun 2022, kami telah membuat komitmen yang jelas untuk menterjemahkan aspirasi kemampuan kami kepada tindakan yang boleh diukur. Kini, kami telah berjaya mencapai lapan daripada 10 sasaran yang ditetapkan, di samping mencatat kemajuan yang bermakna dalam agenda kemampuan kami yang lebih menyeluruh. Ini termasuk mencapai sasaran Perusahaan Sifar Bersih 2025, memastikan 100% penggunaan elektrik Perusahaan PNB disokong oleh sijil tenaga boleh baharu, serta melabur sebanyak RM8.1 bilion dalam aset hijau dan aset peralihan. Kami turut mencatat kemajuan dalam memperkukuh amalan di tempat kerja serta pelaburan bertanggungjawab merentasi portfolio kami. Pencapaian nyata ini membuktikan bahawa usaha kemampuan kini telah diterapkan dalam cara kami melabur, menjalankan operasi dan melaksanakan peranan kami sebagai institusi pelaburan yang bertanggungjawab," kata Dato' Rizal Rickman Ramli, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.

Beliau turut berkata, "Oleh itu, SF 2026 bukanlah satu perubahan asas, sebaliknya merupakan kesinambungan daripada usaha yang telah dilaksanakan. Kami menyambung hayat teras yang telah diperkukuh sepanjang empat tahun lalu dan menetapkan tahap yang lebih tinggi untuk diri kami, dengan penekanan yang lebih besar terhadap pelaburan bertanggungjawab, pengurusan jangka panjang, impak sosial dan pembangunan negara. Sebagai sebuah institusi yang mendukung amanah rakyat Malaysia, kami memastikan nilai yang kami cipta dapat diwariskan merentasi generasi, di samping menyumbang kepada negara Malaysia yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan."

Berteraskan 16 sasaran yang boleh diukur, SF 2026 menterjemahkan aspirasi kemampuan PNB kepada tindakan dan hasil yang jelas merangkumi aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Antara komitmen utama PNB adalah untuk menyalurkan RM15 bilion kepada pelaburan dalam aset hijau dan peralihan serta RM500 juta kepada pelaburan sosial berimpak menjelang 2030.

Komitmen ini mencerminkan perspektif yang lebih luas tentang bagaimana modal boleh menjana impak. Ia bukan sekadar menjana pulangan kewangan yang mampan, tetapi juga menyokong peralihan ke arah ekonomi yang lebih berdaya tahan, membuka lebih banyak peluang serta pelaburan semula dalam masyarakat.

Pada asasnya, SF 2026 memacu pelaburan menyeluruh untuk rakyat Malaysia, bagi memastikan nilai yang dicipta hari ini terus memperkasa generasi akan datang.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad